



**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR**

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATUK AMAR HJ FADILLAH BIN HJ YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI & MENTERI PERALIHAN  
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN SANTONG BATTERY ENERGY  
STORAGE SYSTEM (BESS) 100MW/400MWH**

**DI PMU 132/11KV SANTONG, DUNGUN, TERENGGANU**

**18 MEI 2026 (ISNIN)**

---

**Bismillahirrahmanirrahim**

**1) Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris**

Wakil Menteri Besar Terengganu / Pengerusi  
Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar  
Dan Perubahan Iklim

**2) YBhg. Dato' Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**

Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga &  
Transformasi Air (PETRA)

**3) YBhg. Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid**

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad

**4) YBhg. Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB

**5) YBrs. Puan Siti Safinah binti Salleh**

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga

**6) YBhg. Dato' Hamzah Bin Hussin**

Ketua Pegawai Eksekutif

Sustainable Energy Development Authority (SEDA)

Hadirin yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

**KATA-KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam **Majlis Perasmian Santong Battery Energy Storage System (BESS) 100MW/400MWh**.
2. Seterusnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Tenaga Nasional Berhad dan semua pihak yang terlibat atas jemputan serta komitmen berterusan dalam menjayakan projek yang amat signifikan ini.
3. Sebelum meneruskan ucapan, saya ingin menyentuh mengenai **krisis bekalan global** yang sedang melanda seluruh dunia ketika ini. Gangguan bekalan global, ketidaktentuan geopolitik dan peningkatan kos logistik antarabangsa telah menyebabkan harga makanan, pengangkutan dan pelbagai barangan keperluan meningkat di kebanyakan negara. Malaysia turut menerima tempas daripada situasi ini, namun kerajaan kekal komited untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap keputusan dan dasar yang dilaksanakan. Kerajaan MADANI mengambil pendekatan pragmatik dengan fokus utama memastikan bekalan keperluan asas negara kekal stabil, melindungi rakyat daripada tekanan kos hidup yang melampau serta

memperkukuh daya tahan ekonomi negara bagi jangka panjang. Bantuan bersasar, kawalan harga, pengukuhan keselamatan tenaga serta kerjasama strategik antara kerajaan, industri dan rakyat sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

4. Apa yang penting krisis ini perlu dihadapi secara bersama dengan semangat kebersamaan, disiplin dan keyakinan seluruh lapisan rakyat.

## **AGENDA PERALIHAN TENAGA NEGARA**

Hadirin sekalian,

5. Berbalik kepada majlis kita pada hari ini, ia bukan sekadar pelancaran sebuah projek infrastruktur tenaga, tetapi merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh agenda peralihan tenaga negara.
6. Kerajaan komited untuk memastikan sistem tenaga negara terus berkembang ke arah yang lebih lestari, berdaya tahan dan inklusif, selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

7. Bagi memastikan sistem pembekalan elektrik di negara ini sentiasa kompetitif, kerajaan kekal dengan prinsip trilema tenaga sebagai asas kepada semua dasar-dasar tenaga yang ada di negara ini. Trilema tenaga ini adalah terdiri daripada menjamin keselamatan bekalan elektrik, kelestarian dan mampu dibayar pengguna.
8. Dalam mendepani cabaran perubahan iklim serta peningkatan permintaan tenaga, kita perlu memastikan sistem tenaga negara mampu menyokong pembangunan ekonomi tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar.

## **PERANAN BESS DALAM SISTEM TENAGA**

Hadirin yang dihormati,

9. Seiring dengan peningkatan penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar, keperluan kepada sistem grid yang lebih fleksibel dan responsif menjadi semakin kritikal.
10. Saya difahamkan bahawa pencapaian Santong BESS ini telah menetapkan satu tanda aras baharu bagi projek strategik berhubung tenaga di Malaysia. Ini bukan sahaja dari segi kepantasan pelaksanaannya, malah melalui penggunaan teknologi canggih serta penglibatan tenaga

pakar yang mahir dan kompeten dalam merealisasikan inisiatif ini.

11. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada TNB atas kejayaan ini serta komitmen berterusan dalam membangunkan infrastruktur tenaga strategik seperti projek Santong BESS ini. Usaha ini amat penting dalam menyeimbangkan bekalan dan permintaan tenaga, sekaligus memastikan sistem grid negara kekal stabil, fleksibel dan berdaya harap bagi memenuhi keperluan tenaga masa hadapan.
12. Ini membolehkan sistem tenaga kita menjadi lebih fleksibel dan bersedia untuk menyokong peningkatan penggunaan tenaga boleh baharu secara lebih efisien dan selamat, selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan penembusan tenaga boleh baharu (TBB) bagi mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 (Net Zero 2050).
13. Dalam hal ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Tenaga Nasional Berhad atas keupayaan dan komitmen berterusan dalam membangunkan infrastruktur tenaga yang menyokong agenda peralihan tenaga negara.

## **IMPAK KEPADA RAKYAT DAN EKONOMI**

Hadirin sekalian,

14. Projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada sistem tenaga, malah memberi impak langsung kepada rakyat dan industri.
15. Dengan keupayaan menyokong keperluan elektrik bersamaan kira-kira 40,000 isi rumah, projek ini akan membantu memperkukuh kestabilan bekalan elektrik, khususnya di Pantai Timur.
16. Kestabilan ini penting dalam menyokong aktiviti ekonomi, meningkatkan keyakinan pelabur serta memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

## **HALA TUJU MASA HADAPAN**

Hadirin sekalian,

17. Kerajaan akan terus menyokong pembangunan teknologi dan infrastruktur seperti BESS sebagai sebahagian

daripada ekosistem tenaga masa hadapan yang lebih pintar, rendah karbon dan berdaya tahan.

18. Ini termasuk memperkukuh dasar, rangka kerja kawal selia serta kerjasama strategik bagi memastikan sistem tenaga negara kekal kompetitif dan bersedia menghadapi cabaran global.
19. Usaha ini memerlukan komitmen berterusan daripada semua pihak termasuk kerajaan, industri dan masyarakat dalam memastikan agenda peralihan tenaga dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan mampan.
20. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan pengiktirafan kepada Tenaga Nasional Berhad atas usaha berterusan dalam memacu peralihan tenaga di Malaysia, bukan sahaja melalui projek BESS ini, malah turut melaksanakan projek tenaga boleh baharu seperti Large Scale Solar (LSS) dan Hybrid Hydro Floating Solar (HHFS), serta inisiatif pemodenan grid yang menyokong aspirasi ASEAN Power Grid (APG).

## **PENUTUP**

21. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Santong Battery Energy Storage System (BESS)**. Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak usaha dalam memperkukuh sistem tenaga negara dan mempercepatkan peralihan tenaga Malaysia pada masa hadapan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.